

*BAB*  
*EMPAT*

## BAB EMPAT

### KURIKULUM PENGAJIAN SYARIAH DI PUSAT PENGAJIAN PONDOK

#### 1. Pendahuluan

Perbincangan dalam bab ini akan tertumpu kepada beberapa aspek yang berkaitan dengan kurikulum pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok. Untuk memudahkan perbincangan ini, penulis akan membahagikan bab ini kepada beberapa bahagian.

Bahagian yang pertama, perbincangan akan tertumpu kepada ringkasan kurikulum pengajian syariah. Aspek yang dibincangkan dalam bahagian tersebut ialah objektif setiap mata pelajaran, kitab rujukan utama, silibus pengajian, kitab rujukan dan kaedah pengajaran.

Pada bahagian yang kedua pula perbincangan akan tertumpu kepada tenaga pengajar pengajian syariah. Antara aspek penting yang akan dibincangkan dalam bahagian ini ialah latar belakang pendidikan dan pengalaman setiap tenaga pengajar pengajian syariah.

Sementara bahagian yang ketiga pula akan membincangkan berkaitan masa pengajian syariah, antara isu-isu yang akan diberi perhatian ialah jumlah jam yang diperuntukkan bagi pengajian syariah dalam seminggu dan kesesuaian masa bagi pengajian syariah.

Manakala dalam bahagian terakhir pula, perbincangan akan tertumpu kepada sistem peperiksaan yang diamalkan bagi pengajian syariah, antara perkara yang menjadi tumpuan dalam bahagian ini ialah kaedah peperiksaan yang dijalankan, sistem pemarkahan dan masalah-masalah yang timbul daripada sistem peperiksaan yang dipraktikkan.

Untuk meninjau keseluruhan perkara yang berkaitan dengan kurikulum pengajian syariah penulis memperolehi data daripada sumber-sumber bertulis, temubual dengan kaki tangan Pusat Pengajian Pondok dan soal selidik yang telah penulis lakukan ke atas pelajar-pelajar peringkat ‘Aliah Pusat Pengajian Pondok. Soal selidik tersebut telah melibatkan seramai 111 pelajar.

Daripada jumlah 111 borang soal selidik yang penulis terima, 36 daripadanya adalah daripada pelajar Tahun Empat ‘Aliah, 42 daripadanya adalah dari pelajar Tahun Lima ‘Aliah, sementara 36 daripadanya adalah daripada pelajar Tahun Enam ‘Aliah. Oleh yang demikian apa-apa jumlah yang terdapat dalam bab ini adalah merujuk kepada angka tersebut.

## **2. Ringkasan Kurikulum Pengajian Syariah**

Objektif utama penubuhan Pusat Pengajian Pondok adalah untuk melahirkan ulama yang mampu menghayati isi kandungan kitab-kitab lama dalam pelbagai ilmu pengetahuan.<sup>1</sup> Bagi mencapai objektif tersebut, pihak pengurusan Pusat Pengajian Pondok telah merangka satu kurikulum pengajian yang teratur. Begitu

juga dalam bidang pengajian syariah, satu kurikulum telah dirancang dengan teliti bagi tujuan melahirkan pelajar-pelajar yang mampu menghayati kitab-kitab lama dalam bidang pengajian tersebut.

Kurikulum pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok telah ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Tertinggi Pondok dan diperakui oleh Yayasan Islam Kelantan,<sup>2</sup> kurikulum tersebut dirangka khusus bagi menepati sukanan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Universiti Al-Azhar. Dalam merangka kurikulum pengajian tersebut dua aspek utama diambil kira, iaitu sukanan al-Azhar dan sukanan yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan Pusat Pengajian Pondok.<sup>3</sup>

Sebagaimana dijelaskan dalam bab yang lepas, mengikut sistem pengajian yang diamalkan hari ini, Pusat Pengajian Pondok telah membahagikan sistem pengajian kepada dua peringkat yang utama, iaitu peringkat *Thanawi* dan peringkat *'Aliyah*. Kedua-dua peringkat tersebut mempunyai kurikulum pengajian syariah yang berbeza. Ringkasan kurikulum pengajian syariah kedua-dua peringkat tersebut adalah seperti berikut:

## 2.1 Peringkat *Thanawi*

Pada peringkat ini pelajar-pelajar didedahkan dengan dua matapelajaran utama pelajaran syariah iaitu mata pelajaran Fekah dan *Usūl al-Fiqh*. Ringkasan kedua-dua mata pelajaran tersebut adalah seperti berikut:

---

<sup>1</sup> Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok, h. vi.

<sup>2</sup> Tebubual dengan Cikgu Zaid b. Muhamad, pendaftar Pusat Pengajian Pondok pada 8 Jun 2003.

<sup>3</sup> Temubual dengan Ustaz Hj. Wazir b. Che Awang, Syeikh Pondok pada 8 Jun 2003.

### **2.1.1 Pelajaran Fekah**

#### **(a) Objektif Mata pelajaran**

Pada peringkat *Thanawi*, objektif utama matapelajaran ini adalah untuk memberi pendedahan asas kepada pelajar berhubung hukum-hukum fekah dalam Islam terutamanya yang berkaitan dengan perkara-perkara ibadat.<sup>4</sup>

#### **(b) Kitab Rujukan Utama**

Bagi mata pelajaran fekah peringkat *Thanawi* ini dua buah kitab dijadikan sebagai teks rujukan utama mata pelajaran tersebut. Kedua-dua kitab tersebut ialah:

1. Muhammad Ibn Qasim (t.t), *Fath al-Qarīb*, Pulau Pinang, Dār al-Ma’arif.
2. Al-Syarbini, Muhammad Ibn Ahmad (1996), *Al-Iqna` fī Hall Alfāz Abī Sujā'*, Beirut; Dār al-Khāyr.

Kitab *fath al-Qarīb*, dijadikan buku teks pelajaran fekah Tahun Satu. Sementara sukanan atau silibus pengajian pada tahun tersebut adalah keseluruhan kandungan kitab yang dijadikan teks rujukan utama. Antara tajuk-tajuk penting yang terdapat dalam kitab tersebut ialah membincangkan tentang hukum-hukum *taharah*, hukum-hukum solah, hukum-hukum zakat, hukum-hukum puasa, hukum-hukum haji, hukum-hukum *muamalah*, hukum-hukum sumpah dan nazar, hukum-hukum *farāid* dan wasiat, hukum-hukum nikah, hukum-hukum jinayah, hukum-hukum jihad dan hukum-hukum pemburuan dan sembelihan.

Manakala kitab *Al-Iqna'* pula dijadikan teks rujukan utama bagi pelajaran

fekah Tahun Dua dan Tahun Tiga. Pada dasarnya sukatan atau silibus bagi pelajaran fekah Tahun Dua ialah sebahagian yang pertama kandungan kitab *Al-Iqna'*, manakala Tahun Tiga pula ialah sebahagian yang terakhir daripada kitab tersebut. Walau bagaimanapun sukatan sebenar pelajaran fekah pada Tahun Dua adalah bermula daripada awal kitab sehingga kapada bab terakhir yang mampu dihabiskan oleh guru yang mengajar pelajaran tersebut pada Tahun Dua. Manakala silibus pelajaran fekah pada Tahun Tiga adalah bermula daripada tajuk terakhir yang dapat dihabiskan semasa Tahun Dua, dengan erti kata lain, silibus pelajaran fekah tahun tiga adalah menyambung pelajaran fekat Tahun Dua.

Ini bermakna sukatan pelajaran fekah bagi Tahun Dua dan Tiga ialah keseluruhan kandungan kitab *Al-Iqna'* hingga *khatam* (tamat). Namun demikian permasalahan yang sering timbul ialah kandungan kitab yang agak banyak dan tempoh masa yang terhad menyebabkan kitab tersebut tidak dapat dihabiskan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.<sup>5</sup>

Antara tajuk-tajuk penting yang terdapat dalam kitab *Al-Iqna'* ialah membincangkan tentang hukum-hukum *tahārah*, hukum-hukum solah, hukum-hukum zakat, hukum-hukum puasa, hukum-hukum haji, hukum-hukum jual beli dan perkara yang berkaitan dengannya, hukum-hukum sumpah dan nazar, hukum-hukum *farāid* dan wasiat, hukum-hukum nikah, hukum-hukum jinayah, hukum-hukum jihad dan hukum-hukum pemburuan dan sembelihan.

---

<sup>4</sup> Temubual dengan Ustaz Wan Ahmad b. Wan Yusuf, guru mata pelajaran fekah Tahun Satu, pada 8 Jun 2003.

Ini bermakna kurikulum pengajian fekah pada Tahun Dua dan Tiga merupakan lanjutan daripada kurikulum pelajaran fekah Tahun Satu. Kedua-duanya hanya dibezakan dengan kitab rujukan dan bentuk huraihan, yang mana perbincangan pada Tahun Dua dan Tahun Tiga adalah secara lebih meluas.

### **(c) Kitab Rujukan**

Selain daripada teks rujukan utama, terdapat beberapa buah kitab lain yang dijadikan kitab rujukan bagi pelajaran fekah peringkat *Thanawi*. Antara kitab-kitab tersebut ialah:

1. Shata, Abu Bakr ibn Muhaimmad (1970), *I`ānat al-Tālibīn `Alā Hal Alfāz Fath al-Muin, fath al-Mu`in Ma`a Taqrīrār(t.t.p).*
2. Al-Bajūri, Ibrahim Ibn Muhammad (1783), *Hāsyiah al-Bajūri `Alā Syarh Ibn Qasīm: lil Shaf al-Thālith al-Idādi (t.t.p).*
3. Al-Ansari, Zakaria Ibn Muhammad (1948), *Fath al-Wahhāb, Syarh Manhāj al-Thullāb(t.t.p).*

### **(d) Kaedah Pengajaran**

Terdapat empat kaedah utama yang digunakan dalam pengajaran fekah Peringkat *Thanawi*. Iaitu kaedah syaranan, soal jawab, perbincangan dan halaqah. Walau bagaimanapun kaedah yang paling kerap digunakan ialah syaranan dan halaqah,

---

<sup>5</sup> Temubual dengan Ustas Haron b. Awang, guru mata pelajaran fekah Tahun Tiga, pada 8 Jun 2003.

manakala kaedah soal jawab dan perbincangan akan digunakan sekiranya terdapat persoalan yang dikemukakan oleh pelajar.<sup>6</sup>

Daripada temu bual yang dilakukan oleh penulis dengan guru-guru yang mengajar pelajaran tersebut, kaedah perbincangan dan soal jawab jarang digunakan disebabkan masa yang terhad dan sukanan pelajaran yang agak banyak. Oleh yang demikian tumpuan akan diberikan untuk menghabiskan kandungan kitab.<sup>7</sup>

### **2.1.2 *Usūl al-Fiqh***

#### **(a) Objektif Mata pelajaran**

Pada peringkat *Thanawi*, tujuan utama matapelajaran ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada asas-asas metodologi hukum Islam.<sup>8</sup>

#### **(b) Kitab Rujukan Utama**

Pada peringkat *Thanawi* dua buah kitab dijadikan teks rujukan utama iaitu:

1. Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Dimyāti (t.t), *Hāsyiyah al-Dimyāti 'Alā Syarh al-Waraqāt*, Pulau Pinang: Maktabah wa al-Matba'ah Dār al-Ma'arif.
2. Abdul Karim Zaydan (1997), *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risālah.

---

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Temubual dengan Ustaz Hj.Wazir b. Che Awang, guru mata pelajaran *usūl al-fiqh* Peringkat *Thanawi* pada 8 Jun 2003.

Kitab *al-Waraqāt* digunakan sebagai teks rujukan utama bagi Tahun Satu, manakala silibus pengajian pada tahun tersebut adalah keseluruhan kandungan kitab *al-waraqāt*. Antara tajuk-tajuk penting yang terdapat dalam kitab tersebut ialah membincangkan tentang pengertian ilmu *usul al-fiqh*, membincangkan tentang hukum, membincangkan tentang sumber-sumber hukum dalam Islam seperti al-Quran, sunnah, *ijmā'* dan *qiās*.

Sementara kitab *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh* dijadikan teks rujukan utama bagi Tahun Dua dan Tiga. Manakala silibus pengajian bagi Tahun Dua dan Tiga adalah keseluruhan kandungan kitab tersebut, ini bermakna silibus pengajian bagi Tahun Dua adalah bermula daripada awal kitab sehingga akhir bab yang dapat dihabiskan pada tahun tersebut. Manakala silibus pengajian pada tahun tiga pula adalah bermula daripada akhir bab yang dipelajari pada Tahun Dua sehingga ke akhir kandungan kitab tersebut.

Antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam Tahun Dua pengajian ialah berkaitan dengan pengertian ilmu *usūl al-Fiqh*. Perbincangan tentang hukum yang merangkumi bahagian-bahagian hukum *taklīfī*, bahagian-bahagian hukum *wad'īe* dan membincangkan tentang *hākim* iaitu yang berhak menentukan hukum.

Manakala dalam Tahun Tiga pula, perbincangan tertumpu kepada beberapa aspek utama, antaranya ialah perbincangan berhubung dengan dalil-dalil hukum seperti al-Quran, Sunnah, *Qiās*, *Ijmā'* dan sebagainya. Selain daripada itu

turut dibincangkan pada tahun tersebut ialah berkaitan dengan cara-cara mengistinbatkan hukum daripada sumber-sumbernya.

### **(c) Kitab Rujukan**

Di samping kitab yang dijadikan teks rujukan utama, terdapat beberapa kitab lain yang turut dijadikan rujukan bagi mata pelajaran *usul al-Fiqh* peringkat *Thanawi*, antaranya ialah:

1. Al-Ghazali (t.t), *Al-Mustasfā min 'ilm al-usūl*, Beirut: Dār al-Ulūm al-Hadīth.
2. Al-Amidi, 'Ali Ibn Abi 'Ali (1980), *al-Ihkām fī Usūl al-Ahkām*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
3. Al-Rāzi, Fakr al-Din Muhammad Ibn Umar (1992), *al-Mahsūl fī 'ilm Usūl al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risālah.

### **(d) Kaedah Pengajaran**

Terdapat empat kaedah utama yang digunakan dalam pengajaran matapelajaran *usul al-Fiqh* peringkat *Thanawi*, iaitu syarahan atau kuliah, kaedah soal jawab, perbincangan dan kaedah halaqah.

## **2.2 Peringkat 'Aliah**

Berbanding di peringkat *Thanawi*, kurikulum pengajian syariah peringkat 'Aliah lebih menyeluruh dengan menambah beberapa mata pelajaran selain daripada pelajaran fekah dan *usūl al-Fiqh*, antara pelajaran yang terkandung dalam kurikulum pengajian syariah peringkat 'Aliah ialah:

## **2.2.1 Pelajaran Fekah**

### **(a) Objektif Matapelajaran**

Objektif utama pelajaran fekah peringkat ‘Aliah’ adalah untuk mendedahkan pelajar kepada beberapa aspek utama berkaitan dengan hukum-hukum amali manusia, sama ada dalam bidang ibadah, seperti solat, puasa, zakat, haji, atau dalam perkara-perkara *mu’amalah* seperti jual beli dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, atau dalam perkara-perkara jinayah seperti *hudūd*, *qisās* dan sebagainya.<sup>9</sup>

Walaupun tajuk-tajuk yang dibincangkan pada peringkat ini tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan tajuk yang dibincangkan pada peringkat *Thanawi*, tetapi perbincangan pada peringkat ini adalah lebih meluas dan terperinci, dengan erti kata lain pada peringkat ini pelajar-pelajar akan diberikan kemahiran berhubung dengan hukum-hukum *fiqh* dan memberi kemahiran dalam membaca kitab-kitab *turath*.

### **(b) Kitab Rujukan Utama**

Pada peringkat ‘Aliah’, pelajaran fekah hanya menggunakan satu kitab rujukan utama iaitu kitab yang dikarang oleh Shihab al-Din Ahmad Ibn Ahmad, *al-Qalyubi wa ‘Umairah*, Tahqiq, Toha Abdul Rauf Saad, al-Maktabah al-Taufiqiyah.

---

<sup>9</sup> Buku panduan (*mugarrar*) yang disediakan kepada tenaga pengajar Pusat Pengajian Pondok.

Manakala silih-silih pengajian pada Peringkat 'Aliah ini ialah keseluruhan kandungan kitab *al-Qalyubi wa 'Umairah*, dengan cara membahagikan isi kandungan kitab itu kepada tiga bahagian, bahagian pertama akan diajar pada Tahun Empat, bahagian kedua akan diajar pada Tahun Lima manakala bahagian yang ketiga akan diajar pada Tahun Enam.<sup>10</sup>

Pada keseluruhannya, kandungan kitab ini terbahagi kepada tiga bahagian yang utama, bahagian yang pertama akan membincangkan hukum-hukum yang berkaitan dengan perkara ibadat, antara perkara yang dibincangkan merangkumi bab *tahārah*, solat, solat jamaah, zakat, al-i'tikaf dan haji. Sementara bahagian kedua kitab pula perbincangan lebih tertumpu kepada hukum-hukum yang berkaitan dengan *mu'amalah*, yang merangkumi bab jual beli, gadaian, *al-wakālah*, *syūp'ah*, sewaan, *ihyāt al-mawāt* dan waqaf. Sementara bahagian yang terakhir dalam kitab ini akan membincangkan hukum-hukum berkaitan dengan jinayah, ia merangkumi perbincangan berkaitan hukum *hudūd*, *qisās*, *jarāh*, *ta'zir* dan sebagainya.

### (c) Kitab Rujukan

Selain daripada kitab yang dijadikan teks rujukan utama, terdapat beberapa kitab lain yang turut dijadikan rujukan bagi mata pelajaran fekah peringkat 'Aliah, antaranya ialah:

1. Shata, Abu Bakr ibn Muhammad (1970), *I'ānat al-Tālibīn 'Alā Hall Alfāz Fath al-Muin, fath al-Mu'in Ma'a Taqrīrār* (t.t.p).

---

<sup>10</sup> Ibid.

2. Al-Bajūri, Ibrahim Ibn Muhammad (1783), *Hāsyiah al-Bajūri 'Alā Syarh Ibn Qasīm: li al-Shafāl-Thālith al-Idādi* (t.t.p).
3. Al-Ansari, Zakaria Ibn Muhammad (1948), *Fath al-Wahhāb, Syarh manhāj al-Thullāb* (t.t.p).

#### (d) Kaedah Pengajaran

Terdapat tiga kedah utama yang digunakan dalam pengajaran fekah di peringkat 'Aliah, iaitu kaedah syaranan atau kuliah, kaedah soal jawab dan kaedah perbincangan.

#### 2.2.2 *Usūl al-Fiqh*

##### (a) Objektif Mata Pelajaran

Objektif utama pelajaran ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada beberapa metodologi hukum Islam secara lebih mendalam,<sup>11</sup> pelajaran ini merupakan kesinambungan pelajaran *usūl al-fiqh* di peringkat *Thanawi*, yang mana pada peringkat *Thanawi* pelajar telah didedahkan dengan asas-asas metodologi tersebut.

##### (b) Kitab Rujukan Utama

Pada peringkat ini, terdapat hanya sebuah kitab dijadikan sebagai teks rujukan utama, iaitu;

1. Al-Baydawi, Abd Allah Ibn Umar (t.t), *Minhāj al-Wusūl fi Ma'rifah 'Ilm al-Usūl* (t.t.p).

---

<sup>11</sup> Ibid.

Silibus pengajian usul fiqh pada Peringkat 'Alih adalah bermula dari bahagian awal kitab rujukan utama hingga akhir kitab tersebut. Dengan membahagikan keseluruhan kandungan kitab kepada tiga bahagian untuk setiap tahun pengajian Peringkat 'Aliah. Ini bermakna, silibus pengajian Tahun Empat akan bermula daripada awal kitab hingga akhir bab yang sempat dipelajari pada tahun tersebut. Kurikulum pengajian pada tahun tersebut akan merangkumi *khutbah* kitab, bab *kinayah*. Kurikulum pengajian Tahun Empat juga akan membincangkan tentang pembahagian *lafaz*, perbincangan ini mencakupi *Al-Istiqaq*, *al-Istirāk*, *al-Haqīqah*, *al-Majāz*, lafaz-lafaz suruhan, larangan, lafaz-lafaz umum dan khusus<sup>12</sup>.

Silibus pengajian Tahun Lima pula akan bermula dari tajuk *bidayatul hurūf* hingga ke tajuk *al-ijma'*. Perbincangan akan merangkumi *mujmāl*, *mubayyin*, *al-nashk*, *sunnah* dan *al-ijmā'*. Sementara pada Tahun Enam pula, perbincangan akan tertumpu kepada bab *qias*, termasuk dalil kehujahan *qias* bahagian-bahagian *qias* dan pentarjihan dengan menggunakan *qias*.<sup>13</sup>

### (c) Kitab rujukan

Selain daripada kitab yang dijadikan teks rujukan utama, terdapat sumber-sumber lain yang dijadikan rujukan dalam pelajaran ini, antaranya:

1. Al-Ghazali (t.t), *Al-Mustasfā min 'ilm al-usūl*, Beirut: Dār al-Ulūm al-Hadīth.

---

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Ibid.

3. Al-Amidi, 'Ali Ibn Abi 'Ali (1980), *al-Ihkām fī Usūl al-Ahkām*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
2. Al-Rāzi, Fakr al-Din Muhammad Ibn Umar (1992), *al-Mahsūl fī 'ilm Usūl al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risālah.

#### **(d) Kaedah Pengajaran**

Terdapat tiga kaedah utama yang digunakan dalam pengajaran *usūl al-fiqh* di peringkat 'Aliah, iaitu kaedah syarahan atau kuliah, kaedah soal jawab dan perbincangan.

#### **2.2.3 *Tafsīr Ayat Ahkām***

##### **(a) Objektif Mata Pelajaran**

Objektif utama pelajaran ini adalah untuk mendedahkan kepada pelajar tentang cara-cara mengistinbatkan hukum daripada al-Quran. Hal ini dilakukan dengan memberi pendedahan kepada pelajar tentang cara ulama-ulama silam mengistinbatkan hukum daripada al-Quran.<sup>14</sup>

##### **(b) Kitab Rujukan Utama**

Pada peringkat 'Aliah, pelajaran *tafsir ayat al-ahkam* hanya menggunakan satu kitab rujukan utama iaitu Muhammad Ali al-Sobuni (1971), *Rawai` al-Bayān Tafsir Ayat al-Ahkām min al-Qurān*, Damsik: Maktabah al-Ghazali.

---

<sup>14</sup> Ibid.

Sementara silibus bagi pelajaran tersebut adalah bergantung kepada guru yang mengajar, walau bagaimanapun guru hendaklah mengikut panduan yang telah ditetapkan. Dengan erti kata lain, guru-guru bebas memilih mana-mana ayat hukum untuk dijadikan silibus pada tahun tersebut, tetapi ayat tersebut mestilah daripada ayat-ayat hukum pilihan yang diambil daripada surah '*Ali al-Imrān*, *al-Nisā'*, *al-Māida* sehingga surah *al-A'rāf*. Pada Tahun Lima pula guru boleh memilih mana-mana ayat hukum daripada surah *al-Anfāl*, *al-Taubah*, *Yūnus*, *hūd*, *Yūsuf*, *al-Ra'd*, *Ibrūhim*, *Hijr*, dan *nahl*. Sementara pada Tahun Enam pula guru boleh memilih mana-mana ayat hukum daripada surah *al-Isrā'*, *al-Kahf*, *maryam*, *Toha*, *al-Ambiyā'*, *Al-Hajj*, *al-Mu'minūn*, *al-nūr* *al-Furqān* *al-Syūara'*, *al-Naml*, *al-Qasas*, *al-Ankabūt* dan *al-Rūm*.<sup>15</sup>

#### **(c) Kitab Rujukan**

Tidak ada kitab lain yang dijadikan teks rujukan selain daripada kitab yang dijadikan teks rujukan utama.

#### **(d) Kaedah Pengajaran**

Terdapat beberapa kedah utama yang digunakan dalam pengajaran tafsir ayat al-ahkam di Peringkat 'Aliah, iaitu kaedah syarahan atau kuliah, kaedah soal jawab, perbincangan dan perbandingan antara mazhab.

---

<sup>15</sup> Ibid, Maklumat ini juga diperolehi melalui temubual dengan Ustaz Nik Razi b. Nik Mat, guru

## **2.2.4 Hadith Ahkām**

### **(a) Objektif Mata Pelajaran**

Objektif utama pelajaran ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada cara-cara mengistinbatkan hukum daripada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. oleh yang demikian pelajar didedahkan dengan cara-cara mengistinbatkan hukum yang dilakukan oleh ulama-ulama fiqh terdahulu.<sup>16</sup>

### **(b) Kitab Rujukan Utama**

Pada peringkat ini hanya satu kitab sahaja yang dijadikan teks rujukan utama, kitab tersebut dikarang oleh Muhammad Ismail al-Kahlani, *Subul al-Salām*, Bandung.

Silibus pengajian Tahun Empat adalah merangkumi perbincangan berkaitan hadis-hadis Rasulullah berhubung dengan hukum haji, hukum jual beli dan perkara yang berkaitan dengannya. Sementara pada Tahun Lima, perbincangan tertumpu kepada hadis-hadis Rasulullah yang berhubung dengan perkara-perkara jinayah. Seperti *hudūd*, *qisas*, *ta’zīr* dan sebagainya. Seterusnya pada Tahun Enam, pelajar akan didedahkan dengan hadis-hadis Rasulullah yang menyentuh tentang hukum nikah dan perkara-perkara yang berhubung dengannya seperti *khulu’*, *zihār*, *kaffārah*, *li’ān*, *iddah*, penyusuan dan nafaqah.<sup>17</sup>

---

mata pelajaran Tafsir Ayat Al-Ahkam, pada 8 Jun 2003.

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Ibid.

### **(c) Kitab Rujukan**

Tidak ada kitab lain yang dijadikan rujukan selain daripada kitab yang dijadikan teks rujukan utama.

### **(d) Kaedah Pengajaran**

Terdapat beberapa kaedah utama yang digunakan dalam pengajaran Hadis Al-Ahkam di peringkat ‘Aliah, iaitu kaedah syarahan atau kuliah, kaedah soal jawab, perbincangan, perbandingan antara mazhab dan tugasan untuk mengkaji latar belakang hadis.

#### **22.2.4 *Qawāid al-Fiqhiyyah***

##### **(a) Objektif Mata Pelajaran**

Mata pelajaran ini bertujuan untuk memperkenalkan beberapa prinsip umum dalam *fiqh* Islam yang menjadi sandaran kepada masalah-masalah cabang, mata pelajaran ini juga bertujuan untuk melatih pelajar supaya mahir dalam formula yang menghubungkan segala persoalan-persoalan fiqh kepada kaedah-kaedah yang tertentu.<sup>18</sup>

##### **(b) Kitab Rujukan Utama**

Pihak pengurusan Pusat Pengajian Pondok telah menetapkan teks rujukan utama bagi mata pelajaran tersebut di Peringkat ‘Aliah, kitab tersebut ialah Jalaluddin Abdul Rahman Ibn Abu Bakar al-Sayuti, *al-Ishbāh wa al-Nazāir*, Al-Maktabah al-Taufiqiyah.

Silibus pengajian bagi pelajaran *Qawaid Al-fiqh* di peringkat 'Aliah ialah bermula dari awal kitab yang dijadikan teks rujukan utama hingga ke akhir kitab. Dalam Tahun Empat peringkat tersebut, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan pengenalan *Qawāid fiqh*, kedudukannya dalam syariat Islam, kepentingan mempelajarinya, perbezaannya dengan *Qawāid usūliyyah*, kemunculan dan sumber pengambilannya. Selain itu, pada peringkat ini pelajar-pelajar turut didedahkan dengan kaedah *fiqh* yang pertama iaitu *al-Umūr Bimaqāsidihā*.<sup>19</sup>

Pada Tahun Lima, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan dua daripada kaedah-kaedah besar yang lima iaitu *al-Yakīn Lā Yuzāl Bi al-Syak* dan *al-Dharar Yuzāl*. Manakala pada Tahun Enam pula, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan dua kaedah *fiqh* yang terakhir daripada kaedah-kaedah besar yang lima iaitu *al-Musyaqqah Tajlib al-Taisir* dan *al-'Adah Muakkamah*.<sup>20</sup>

#### **(c) Kitab Rujukan**

Selain daripada kitab rujukan utama, tiada kitab lain yang turut dijadikan bahan rujukan.

#### **(d) Kaedah Pengajaran**

Terdapat tiga kedah utama yang digunakan dalam pengajaran *Qawā'id al-Fiqhīyyah* di peringkat 'Aliah, iaitu kaedah syarahan atau kuliah, kaedah soal jawab dan perbincangan.

---

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Ibid.

### **2.2.5 *Fiqh al-Muqarin***

#### **(a) Objektif Mata Pelajaran**

Tujuan utama mata pelajaran ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada perbezaan pandangan ulama dalam sesuatu permasalahan hukum.

#### **(b) Kitab Rujukan Utama**

Pusat Pengajian Pondok telah menggunakan kitab yang dikarang oleh Sya'ban Muhammad Ismail, *Tamhīd Syarh al-Asnāwi*, al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath sebagai teks rujukan utama. Selain daripada kitab tersebut, guru pelajaran tersebut telah menyediakan nota ringkas bagi membantu pelajar memahami pelajaran dengan lebih berkesan.

#### **(c) Kitab Rujukan**

Selain daripada kitab rujukan utama, tiada kitab lain yang turut dijadikan bahan rujukan.

#### **(d) Kaedah Pengajaran**

Terdapat empat kedah utama yang digunakan dalam pengajaran *Fiqh al-Muqarin* di Peringkat 'Aliah, iaitu kaedah syarahan atau kuliah, kaedah soal jawab, perbincangan dan perbandingan mazhab dalam Islam.

Melalui penelitian yang dilakukan, Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai kurikulum pengajian yang tersusun, walau bagaimanapun kurikulum tersebut masih lagi tertumpu kepada pengajian *fiqh* klasik. Dengan menggunakan

kitab-kitab *turath* sebagai teks rujukan utama. Perbincangan masih lagi tertumpu kepada permasalahan *fiqh* klasik yang terdapat dalam kitab tersebut. Pada pandangan penulis, selain daripada perbincangan berkaitan dengan masalah *fiqh* yang terdapat dalam kitab rujukan utama, tumpuan juga harus diberikan kepada pengajian *fiqh* kontemporari, perbincangan berkaitan dengan sistem ekonomi Islam, pentadbiran Islam dan masalah-masalah *fiqh* semasa yang perlu didedahkan kepada para pelajar.

Daripada penelitian yang dibuat juga, penulis mendapati sebahagian besar daripada kitab yang dijadikan teks rujukan utama adalah terdiri daripada kitab-kitab *turath*. Penggunaan kitab *turath* sebagai teks rujukan utama ini tidak ada cacat celanya, walau bagaimanapun para pelajar juga perlu didedahkan dengan kitab-kitab baru yang dikarang dalam bidang pengajian syariah. Oleh yang demikian penulis mencadangkan para pelajar tidak terlalu bergantung kepada kitab yang dijadikan teks rujukan utama sahaja, tetapi pelajar seharusnya lebih banyak membuat rujukan kepada kitab-kitab selain daripada yang dijadikan teks bagi pelajaran tersebut.

### **3. Tenaga Pengajar Pengajian Syariah**

Daripada 22 orang tenaga pengajar yang bertugas di Pusat Pengajian Pondok, lapan daripadanya mengajar pelajaran syariah. Daripada data-data yang diperolehi, penulis mendapati guru-guru yang bertugas di Pusat Pengajian Pondok tidak diberikan pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu. Ini bermakna seseorang guru itu akan ditugaskan untuk mengajar lebih daripada satu bidang,

ada yang mengajar pelajaran syariah dan pelajaran bahasa Arab, bahkan ada yang mengajar pelajaran syariah, bahasa Arab dan tasawuf.

Daripada satu aspek, keadaan ini menggambarkan kewibawaan seseorang guru yang bertugas di Pusat Pengajian Pondok, iaitu seseorang guru itu mempunyai kemahiran dalam berbagai-bagai bidang keilmuan. Pada pandangan penulis, keadaan ini akan memberi peluang kepada guru-guru untuk memperolehi kemahiran dalam berbagai-bagai bidang, tetapi daripada aspek yang lain pula ini akan membebankan guru untuk memberi tumpuan yang terbaik kepada setiap bidang yang ditugaskan, keadaan ini sudah pasti akan memberi impak yang kurang baik dalam usaha untuk melahirkan tenaga pengajar yang benar-benar mempunyai kemahiran yang tinggi dalam satu-satu bidang tertentu.

Daripada data-data yang diperolehi, penulis mendapati tenaga pengajar pengajian syariah mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Sebahagiannya terdiri daripada bekas-bekas pelajar Pusat Pengajian Pondok yang telah menamatkan pengajian masing-masing. Manakala sebahagian yang lain pula merupakan lulusan daripada pusat pengajian tinggi sama ada dari luar atau dalam negeri. Jadual di bawah menunjukkan latar belakang pendidikan tenaga pengajar pengajian syariah.

Jadual 4.1 : Latar Belakang Pendidikan Tenaga Pengajar Pengajian Syariah


Bil.	Nama Guru	Kelulusan Tertinggi	Katagori	Pelajaran Yang Di Ajar
1.	Hj. Wazir bin Che Awang	M.A universiti Karachi Pakistan. Solahtah Mekah 1974.	Ijazah	Usul al-Fiqh 2,3,4,5 dan 6
2.	Abdullah bin Abu Bakar	B.A U. Malaya 1979	Ijazah	Qawaaid al-Fiqhiyyah
3.	Wan Ahmad Wan Yusuf	STTUP / Mekah 1989	B/Ijazah	Fekah 1
4.	Ismail bin Saleh	B.A Azhar / Maghribi	Ijazah	Fekah 2
5.	Haron bin Awang	STU YIK 1980/ P. But	B/Ijazah	Fekah 3,4,5 dan 6
6.	Mazlan bin Adam	STTUP 1990 Pondok Selatan Thai	B/Ijazah	Usul al-Fiqh 1
7.	Nik Razi bin Nik Mat	B.A Azhar 1975. Dip. Pendidikan U. Ain Syam, Cairo, Mesir.	Ijazah	Tafsir Ayat Ahkam 4,5 dan 6. Hadis Ahkam 4,5 dan 6.
8.	*Dr. Jamalullail bin Abdul Aziz	Ph. D Universiti Kaherah, Mesir.	PhD	Fiqh al-Muqarin

\* Guru Jemputan.

Sumber: Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok, hal. 23-26.

Daripada jadual 4.2 di atas, separuh daripada guru-guru yang mengajar pengajian syariah adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda daripada universiti luar atau dalam negara, manakala sebahagian yang lain merupakan lulusan Sijil Tinggi Ugama (STU) ataupun Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP), dan hanya seorang guru pengajian syariah yang mempunyai kelulusan PhD. Carta di bawah menunjukkan peratusan tenaga pengajar mengikut latar belakang pendidikan masing-masing:

Rajah 4.1 : Latar Belakang Pendidikan Tenaga Pengajar Pengajian Syariah .



Sumber: Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok.

Jika dinilai daripada latar belakang pendidikan tenaga pengajar Pusat Pengajian Pondok, sebahagian tenaga pengajar pengajian syariah Pusat Pengajian Pondok tidaklah begitu cemerlang dari segi sijil-sijil akademik yang dimiliki, namun bagi penulis, itu bukanlah perkiraan sebenar untuk menilai kewibawaan ilmu seseorang guru yang bertugas. Ini kerana, daripada maklumat yang diperolehi, terdapat sebahagian guru yang hanya memiliki Ijazah Sarjana Muda, tetapi pernah belajar lebih daripada 20 tahun di Mekah. Bahkan ada guru yang hanya memiliki Sijil STTUP tetapi pernah melanjutkan pelajaran ke Mekah selama beberapa tahun selepas menamatkan pengajian di Pusat Pengajian Pondok.

Selain daripada itu, kemampuan guru-guru mengajar kitab-kitab *turath* juga menggambarkan bahawa kewibawaan ilmu yang ada pada dirinya melebihi daripada sijil akademik yang dimiliki. Ini terbukti apabila seorang guru yang hanya memiliki Sijil Tinggi Ugama (STU) tetapi berkemampuan untuk mengajar

kitab *Qalyūbi wa 'Umairah* yang dianggap antara kitab yang disusun menggunakan gaya bahasa yang cukup tinggi dan agak sukar untuk difahami. Selain itu, kitab tersebut juga dianggap antara kitab yang berautoriti dalam mazhab Syafie.

Selain daripada faktor sijil yang dimiliki, latar belakang pendidikan serta pengalaman seseorang guru juga penting dalam menilai kewibawaan ilmu yang dimiliki oleh seseorang. Dari aspek ini, sebahagian besar daripada tenaga pengajar Pusat Pengajian Pondok adalah merupakan mereka yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan. Antara guru yang paling lama berkhidmat di Pusat Pengajian Pondok adalah Tuan Hj. Harun bin Awang. Beliau telah berkhidmat lebih daripada 17 tahun sebagai tenaga pengajar di Pusat Pengajian Pondok, sebelum itu beliau pernah bertugas sebagai guru dan Guru Besar di sekolah-sekolah di Bawah Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan. Secara keseluruhannya beliau telah berkecimpung dalam bidang pendidikan ini lebih daripada 45 tahun. Penulis juga mendapati beliaulah satu-satunya guru yang mempunyai latar belakang pendidikan pondok sepenuhnya. Jadi tidak hairanlah walaupun hanya memiliki Sijil Tinggi Ugama tetapi berkemampuan membaca kitab-kitab *turath* yang dianggap sebagai antara kitab-kitab yang sukar untuk difahami.

Tuan Hj. Nik Razi bin Mik Mat juga salah seorang daripada tenaga pengajar pengajian syariah yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan, beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Penasihat Agama, Hal Ehwal

Pelajar Universiti Teknologi Mara (1983-1994), Pernah bertugas sebagai Mudir (Guru Besar) Sekolah Agama Maahad Muhammadi Lelaki (1996 – 2000) dan kini hampir empat tahun bertugas sebagai tenaga pengajar di Pusat Pengajian Pondok.

Begitu juga dengan tenaga pengajar yang lain, seperti Uataz Abdullah bin Abu Bakar, Ustaz Ismail bin Saleh dan Dr. Kamarullail bin Abdul Aziz yang mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang pendidikan. Ada sebahagian daripada mereka merupakan bekas-bekas tenaga pengajar yang pernah berkhidmat di sekolah-sokolah yang ditadbir oleh Yayasan Islam Kelantan. Memandangkan kewibawaan ilmu yang ada pada mereka Yayasan Islam Kelantan telah melantik mereka sebagai tenaga pengajar di Pusat Pengajian Pondok.

#### **4. Masa Pembelajaran Bagi Mata Pelajaran Pengajian Syariah**

Pada peringkat *Thanawi* tempoh masa bagi pelajaran syariah telah ditetapkan antara 2 jam hingga 6 jam seminggu. Bagi pelajaran *usul al-Fiqh* tempoh masa dua jam seminggu telah diperuntukkan bagi setiap tahun pengajian. Sementara bagi pelajaran fekah pula peruntukkan masa diberikan adalah berbeza antara satu tahun dengan tahun pengajian yang lain, dengan Tahun Satu diperuntukkan tempoh masa yang paling lama iaitu selama 6 jam seminggu, Tahun Dua diperuntukkan 5 jam seminggu dan Tahun Tiga diperuntukkan 4 jam seminggu.

Pada Peringkat *Aliah* pula, pada keseluruhannya tempoh masa bagi pelajaran pengajian syariah ditetapkan dua jam seminggu, melainkan pelajaran

seakah yang diperuntukkan tempoh masa yang lebih lama daripada pelajaran-pelajaran lain. Bagi pelajaran sekah tempoh masa bagi Tahun Empat, Lima dan Enam diperuntukkan masa 3 jam seminggu, iaitu lebih satu jam berbanding dengan pelajaran lain.


Daripada maklumat yang diperolehi melalui temu bual dengan guru-guru pengajian syariah, sebahagian besar daripada mereka mengatakan dengan tempoh masa yang diperuntukkan ini, mereka tidak dapat menghabiskan sukanan pelajaran sebagaimana yang dijadualkan. Namun mereka akur dan menyedari bahawa untuk menambahkan lagi tempoh masa bagi setiap pelajaran syariah adalah sesuatu yang akan membebankan para pelajar. Ini kerana, dengan jadual waktu yang sedia ada sekarang ini pun pelajar-pelajar terpaksa menghadiri kelas daripada selepas subuh sehingga jam 4.30 petang, dan disambung satu jam lagi selepas maghrib.

Oleh yang demikian, guru-guru terpaksa berpuas hati dengan tempoh masa yang sedia ada, dan akan berusaha sekadar yang mampu untuk menghabiskan sukanan pelajaran sebagaimana dijadualkan.

Daripada soal selidik yang dilakukan ke atas pelajar juga, penulis mendapati antara masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pengajian syariah ialah mereka tidak dapat mengkhatamkan (menghabiskan) kitab-kitab yang penting sebagaimana yang terdapat dalam kurikulum pengajian, pada pandangan mereka hal ini merupakan sesuatu yang amat merugikan mereka.

Dengan menggunakan metode soal selidik, penulis juga cuba meninjau reaksi para pelajar berhubung kesesuaian masa pengajian syariah yang diamalkan sekarang. Rajah di bawah menunjukkan hasil soal selidik tersebut.

Rajah 4.2: Kesesuaian Masa Pengajian Syariah



Sumber: Soal selidik


Rajah 4.2 diatas menunjukkan keputusan soal selidik yang dilakukan terhadap pelajar, sebahagian besar iaitu 60.36 peratus menyatakan tempoh masa pengajian syariah sekarang ini adalah sesuai, sementara 36.63 peratus menyatakan bahawa tempoh masa bagi pelajaran syariah adalah tidak sesuai dan perlu ditambah, dan tiada pelajar memilih untuk mengurangkan tempoh waktu pengajian syariah.

Pada pandangan penulis, keputusan soal selidik tersebut tidaklah menggambarkan permasalahan sebenar yang berlaku. Ini kerana daripada temubual yang penulis lakukan dengan tenaga pengajar dan para pelajar, penulis mendapati majoriti mereka mengatakan tidak dapat menghabiskan sukanan sebagaimana yang dijadualkan. Keputusan soal selidik ini bagi penulis sebenarnya menggambarkan bahawa pelajar tidak mahu lagi dibebankan dengan penambahan waktu belajar harian. Ini kerana jadual yang sedia ada pun pelajar terpaksa

menghadiri kelas 38 jam seminggu, secara puratanya pelajar terpaksa menghadiri kelas 7.6 jam sehari.

Pada dasarnya Pusat Pengajian Pondok tidak menetapkan waktu-waktu tertentu untuk pelajaran syariah, daripada analisis yang dilakukan terhadap jadual waktu mingguan yang disediakan oleh Pusat Pengajian Pondok, penulis mendapati pada peringkat *'Aliah* ialah 10 jam bersamaan 47.19 peratus diperuntukkan pada waktu pagi, 9 jam bersamaan 42.85 peratus diperuntukkan pada waktu petang dan 2 jam iaitu bersamaan 9.52 peratus diperuntukkan pada waktu malam. Carta di bawah menunjukkan masa pengajian syariah bagi peringkat *'Aliah* Pusat Pengajian Pondok.

Rajah 4.3: Masa Yang diperuntukkan Untuk Pengajian Syariah




Sumber: Jadual Waktu Mingguan Pusat Pengajian Pondok

Walau bagaimanapun, daripada tinjauan yang dilakukan ke atas pelajar, rata-rata mereka mempunyai pandangan yang berbeza dalam menentukan masa bagi pengajian syariah. Dari soal selidik tersebut penulis mendapati sebahagian besar pelajar iaitu 51.35 peratus memilih waktu pagi sebagai waktu yang paling

sesuai untuk pengajian syariah, tiada pelajar yang memilih waktu petang, 13.51 peratus memilih waktu malam sebagai waktu yang paling sesuai, manakala 35.13 peratus memilih bila-bila masa sahaja sesuai untuk pengajian syariah. Hasil soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

Rajah 4.4: Masa Yang Paling Sesuai Untuk Pelajaran Syariah



Sumber: Soal selidik

Walaupun keputusan soal selidik ini menggambarkan kehendak sebenar pelajar, tetapi ianya adalah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan. Ini kerana untuk tidak meletakkan pelajaran syariah pada waktu petang merupakan sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, jadual waktu yang telah disediakan oleh Pusat Pengajian Pondok merupakan sesuatu yang tepat dan perlu diterima oleh semua pelajar.

## 5. Sistem Peperiksaan Mata Pelajaran Pengajian Syariah

Pusat Pengajian Pondok mempunyai sistem peperiksaan yang teratur unruk menilai tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap ilmu yang telah diajarkan. Pada keseluruhan terdapat dua jenis peperiksaan yang akan dihadapi

oleh pelajar-pelajar Pusat Pengajian Pondok, iaitu peperiksaan am dan peperiksaan khas. Peperiksaan am ialah peperiksaan yang diadakan kepada pelajar-pelajar tahun Satu *Thanawi*, Dua *Thanawi*, Empat ‘*Aliah* dan Lima ‘*Aliah*. Peperiksaan tersebut bertujuan untuk menilai kelayakan pelajar untuk meneruskan pelajaran pada tahun yang seterusnya.<sup>21</sup>

Manakala peperiksaan khas pula ialah peperiksaan yang diduduki oleh pelajar-pelajar Tahun Tiga *Thanawi* dan Tahun Enam ‘*Aliah*. Peperiksaan bagi Tahun Tiga *Thanawi* di kenali dengan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP). manakala dan peperiksaan yang diduduki oleh pelajar tahun Enam ‘*Aliah* pula dikenali dengan nama Diploma Dirasat al-Islamiyah. Pelajar-pelajar yang memiliki sijil tersebut layak menyambung pelajaran ke Tahun Tiga di Universiti al-Azhar.<sup>22</sup>

Daripada tinjauan yang dilakukan, penulis mendapati sistem peperiksaan yang dilaksanakan di Pusat Pengajian Pondok menggunakan dua cara utama, iaitu secara *tahriri* (bertulis) dan *syafawi* (lisan). Pada peringkat *Thanawi* kesemua peperiksaan pelajaran pengajian syariah dilakukan dengan cara *syafawi*. Peperiksaan tersebut dilakukan dengan format pemarkahan seperti berikut, iaitu bacaan 40 peratus, terjemahan 30 peratus dan kafahaman 30 peratus menjadikan keseluruhan markah adalah 100 peratus.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Temubual dengan Ustaz Hj. Wazir b. Che Awang, Syeikh Pondok, pada 8 Jun 2003.

<sup>22</sup> Ibid, lihat lampiran C.

<sup>23</sup> Ibid.

Dalam peperiksaan tersebut, pelajar akan diberikan kitab yang dijadikan sebagai teks rujukan utama bagi pelajaran tersebut. Guru akan menentukan mana-mana bahagian daripada kitab tersebut untuk dibaca, diterjemahkan dan diberi huraian. Di samping itu juga guru akan bertanyakan beberapa soalan berkaitan dengan nahu, terjemahan, kefahaman dan lain-lain aspek yang difikirkan perlu. Guru yang mengajar pelajaran tersebut bertindak sebagai pemeriksa tunggal pelajaran tersebut.<sup>24</sup>

Manakala bagi peperiksaan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP), selain daripada guru yang mengajar pelajaran tersebut, pihak Pusat Pengajian Pondok juga akan menjemput Sohibu Samahah Mufti Negeri Kelantan sebagai salah seorang ahli penal bagi peperiksaan tersebut.<sup>25</sup>

Sementara pada Peringkat 'Aliah' pula, peperiksaan bagi pelajaran syariah pula dilaksanakan sama ada dengan cara *tahrīrī* sahaja atau dengan cara *tahrīrī* dan *syafawī*. Peperiksaan berbentuk *tahrīrī* sahaja akan dilaksanakan bagi pelajaran *fiqh al-Muqārin*, *hadis ahkām* dan *tafsīr ayat ahkām*. Sementara bagi pelajaran Fekah, *Usūl al-Fiqh* dan *Qawāid al-Fiqhiyyah* peperiksaan akan dilaksanakan secara *syafawī* dan *tahrīrī*. Ini bermakna setiap pelajar akan menduduki peperiksaan secara *ā* dan *syafawī* bagi pelajaran tersebut, dengan pembahagian markah seratus untuk peperiksaan *tahrīrī* dan seratus untuk peperiksaan *syafawī*.<sup>26</sup>

---


<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Temubual dengan guru-guru pengajian syariah pada 8 dan 9 Jun 2003.

Selain daripada itu, penulis juga cuba mendapatkan reaksi pelajar berhubung dengan sistem peperiksaan yang diamalkan. Daripada soal selidik yang dilakukan, seramai 44 responden bersamaan 39.63 peratus mengatakan mereka amat berpuas hati dengan sistem peperiksaan yang diperaktikkan sekarang, 35 responden bersamaan 31.53 peratus mengatakan berpuas hati, 32 responden bersamaan 28.83 peratus mengatakan sederhana dan tiada responden yang memilih kurang dan tidak berpuas hati dengan sistem peperiksaan yang diperaktikkan sekarang ini. Rajah dibawah menunjukkan keseluruhan keputusan soal selidik tersebut:

Rajah 4.5: Penilaian Responden Berhubung Dengan Sistem Peperiksaan Yang Diamalkan Sekarang.



Sumber: Soal selidik

Antara objektif utama peperiksaan ialah untuk menilai kemahiran pelajar membaca kitab-kitab *turath* yang dijadikan teks utama bagi pelajaran tersebut<sup>27</sup>, dengan menggunakan sistem peperiksaan yang sedia ada ini, ianya dilihat dapat

<sup>27</sup> Ibid.

mencapai objektif tersebut. Namun permasalahan yang sering timbul ialah kemahiran bahasa Arab yang terhad di kalangan pelajar menyebabkan terdapat pelajar-pelajar yang tidak memperolehi markah yang baik dalam peperiksaan. Masalah ini pada kebiasannya timbul di kalangan pelajar-pelajar tahun satu yang baru didedahkan dengan sistem peperiksaan secara *syafawī*, dan ini menyebabkan terdapat pelajar-pelajar yang gagal memperolehi markah minimum untuk lulus peperiksaan tersebut.<sup>28</sup>

## 6. Penutup

Secara keseluruhannya Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai kurikulum pengajian yang tersusun, walau bagaimanapun penilaian perlu dilakukan dari masa ke semasa untuk memantapkan lagi kurikulum pengajian yang sedia ada. Perkara tersebut perlu dilakukan secara lebih berkesan dengan mengambil kira realiti pengajian syariah di Malaysia serta cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh pelajar lulusan pengajian syariah. Satu usaha perlu dilakukan untuk mewujudkan kurikulum pengajian syariah yang mengabungkan pengajian fiqh klasik dengan pengajian fiqh kontemporeri.

Penggunaan kitab-kitab *turath* sebagai teks rujukan utama dilihat bersesuaian dengan objektif penubuhan pusat Pengajian Pondok iaitu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran dalam menghayati isi kandungan kitab tersebut, walau bagaimanapun pelajar-pelajar tidak seharusnya terpinggir daripada perbincangan *fiqh* semasa, oleh yang demikian, perbincangan

---

<sup>28</sup> Temubual dengan Ustaz Wan Ahmad b. Wan Yusuff, guru mata pelajaran fekah Tahun Satu

*fiqh* perlu dilakukan secara lebih meluas bukan sekadar membincangkan perkara-perkara yang telah sedia ada dalam kitab-kitab *turath*, dengan erti kata lain pelajar-pelajar seharusnya tidak terlalu bergantung kepada teks rujukan utama semata-mata, mereka perlu lebih kerap membuat rujukan kepada kitab-kitab yang lain, terutama kitab-kitab yang membincangkan permasalahan hukum semasa.

Dari penelitian yang dilakukan juga, penulis mendapati Pusat Pengajian Pondok telahpun mempunyai silibus pengajian yang tersusun, walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan penilaian perlu dilakukan untuk menilai sejauh mana kesesuaian silibus pengajian berbanding dengan tempoh masa yang diperuntukkan. Ini kerana, ramai dari kalangan responden yang terlibat dalam kajian ini menyatakan silibus pengajian yang sedia ada tidak dapat dihabiskan mengikut tempoh yang telah ditentukan.

Pada keseluruhannya Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai tenaga pengajar yang berkaliber dalam bidang pengajian syariah, walau pun jika dinilai daripada segi sijil kelulusan yang dimiliki oleh tenaga pengajar, mungkin ada sesetengah pihak akan beranggapan sebaliknya. Pada pandangan penulis, ilmu yang dimiliki oleh tenaga pengajar Pusat Pengajian Pondok jauh menjangkau daripada sijil yang dimiliki oleh mereka. Ini kerana, jika dilihat daripada latar belakang pendidikan dan pengalaman mereka, jelas menunjukkan mereka merupakan orang yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang pengajian syariah.

Melalui penelitian yang dibuat juga, kesimpulan dapat dibuat bahawa Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai sistem peperiksaan yang mantap dan berkesan, sistem tersebut perlu diteruskan kerana ianya benar-benar mampu menilai tahap pencapaia0n pelajar-pelajarnya sama ada dari segi kemahiran membaca kitab ataupun kemampuan pelajar memahami kandungan kitab yang dijadikan teks rujukan utama.